



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PERKAITAN FAKTOR MENONJOL DAN INTERPRETASI DENGAN  
PENERIMAAN KREDIBILITI PORTAL BERITA DALAM TALIAN OLEH  
PELAJAR UNIVERSITI AWAM***

**RAHMAWATI NURDIN**

**FBMK 2018 5**



**PERKAITAN FAKTOR MENONJOL DAN INTERPRETASI DENGAN  
PENERIMAAN KREDIBILITI PORTAL BERITA DALAM TALIAN OLEH  
PELAJAR UNIVERSITI AWAM**

Oleh

**RAHMAWATI NURDIN**

Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**Oktober 2017**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersial daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersial bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Dedikasi ini ditujukan istimewa buat semua insan-insan tersayang  
suami, Mohamad Azri Ahmad,  
anak, Muhammad Altamis,  
mak dan ayah, Pn. Nurhayati Muhamad dan En. Nurdin Said  
mertua, Pn. Aminah Ashari dan Ahmad Abd. Rashid  
seluruh ahli keluarga  
Para pensyarah  
juga buat  
sahabat-sahabat yang dikasihi  
terima kasih atas segalanya.

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Master Sains.

**PERKAITAN FAKTOR MENONJOL DAN INTERPRETASI DENGAN  
PENERIMAAN KREDIBILITI PORTAL BERITA DALAM TALIAN OLEH  
PELAJAR UNIVERSITI AWAM**

Oleh

**RAHMAWATI NURDIN**

Oktober 2017

**Pengerusi : Akmar Hayati Ahmad Ghazali, PhD**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kemajuan internet menyebabkan kemunculan portal berita dalam talian. Internet bersifat mudah diakses iaitu sesiapa sahaja boleh memuat naik sebarang maklumat tanpa melakukan penelitian ke atas maklumat tersebut. Disebabkan sifat internet yang mudah diakses maka timbul keraguan tentang kredibiliti maklumat yang disiarkan. Hal ini disebabkan kebanyakan maklumat yang terdapat di internet datang daripada pelbagai sumber yang tidak diketahui kesahihannya dan tidak melalui beberapa peringkat editorial dan *gatekeeping* sebelum dikeluarkan untuk tatapan masyarakat seperti yang diamalkan oleh media konvensional yang lain. Kajian ini memberi fokus kepada pelajar universiti awam di negeri Selangor. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengkaji perkaitan antara faktor menonjol dan Interpretasi terhadap penerimaan kredibiliti Portal Berita Dalam Talian oleh pelajar universiti awam. Objektif khusus kajian ini adalah untuk mengenal pasti jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan pelajar universiti awam, mengenal pasti perkaitan antara faktor menonjol dengan penerimaan portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam, mengenal pasti perkaitan antara faktor interpretasi dengan penerimaan portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam dan menentukan pengaruh faktor menonjol dan interpretasi terhadap penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam. Kajian ini didasari oleh teori menonjol interpretasi (prominence interpretation theory) yang dihasilkan oleh Fogg. Kajian ini menggunakan dua kaedah persampelan iaitu persampelan mudah dan persampelan bertujuan.

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif secara kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik. Seramai 400 orang belia dipilih daripada 133, 415 pelajar di empat buat Universiti Awam di Selangor iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM),

Shah Alam dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Data yang dikumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif, ujian Korelasi Pearson dan regresi pelbagai menggunakan perisian Pakej Statistik Sains Sosial (SPSS) versi 21.0.

Berdasarkan dapatan kajian menunjukkan bahawa responden gemar membaca berita yang berbentuk jenayah, hiburan dan politik yang bersifat “hard news” dan “soft news”. Dalam pada itu, ujian korelasi pearson menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara faktor menonjol iaitu penglibatan, topik, tugasan, pengalaman dan reka bentuk terhadap penerimaan portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam dan terdapat perkaitan sederhana kuat antara faktor interpretasi iaitu andaian, kemahiran atau pengetahuan dan konteks terhadap penerimaan portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam. Selain itu, ujian regresi pelbagai pula menunjukkan terdapat juga hubungan signifikan antara pemboleh ubah peramat (pemboleh ubah bebas) faktor menonjol dan interpretasi terhadap pemboleh ubah bersandar (penerimaan kredibiliti berita dalam talian). Analisis yang dijalankan menunjukkan bahawa dimensi tugasan adalah merupakan penyumbang tertinggi dan diikuti oleh dimensi konteks, penglibatan dan pengetahuan atau kemahiran dalam mempengaruhi pelajar universiti awam untuk menerima kredibiliti portal berita dalam talian. Oleh itu, Organisasi portal berita dalam talian perlulah meneliti kedua-dua faktor ini agar dapat mempengaruhi penerimaan pembaca khususnya pelajar universiti awam untuk membaca portal berita dalam talian mereka. Selain itu, pengkaji akan datang masih boleh menjalankan kajian ini dengan melihat pemboleh ubah lain sesuai dikaitkan dengan penilaian kredibiliti pembaca ke atas portal berita dalam talian disamping memilih responden selain daripada pelajar Universiti Awam di selangor sebagai subjek kajian.

Abstract of thesis presented to Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement for the degree of Master of Science

**RELATIONSHIP BETWEEN PROMINENCE AND INTERPRETATION  
FACTORS WITH ACCEPTANCE OF ONLINE NEWS PORTAL  
CREDIBILITY BY PUBLIC UNIVERSITY STUDENTS**

By

**RAHMAWATI NURDIN**

October 2017

**Chairman : Akmar Hayati Ahmad Ghazali, PhD**  
**Faculty : Modern Languages and Communication**

The internet advancement led to the emergence of the online news portal. The internet is easily accessible where anyone can upload any information without reviewing the information. Due to the easy accessibility of internet, there is doubt about the credibility of the information that is being published. This is merely because most of the information that available in the internet comes from variety of unknown sources that are not reliable and have not go through some editorial and gatekeeping process before being published for public view as practised by other conventional media. This study focuses on the public university students in Selangor. Hence, this study was carried out to examine the relationship between prominent factors and interpretation against the acceptance of online news portal credibility by public university students. The main objective of this study is to identify the types of online news chosen by the public university students, identifying the correlation between the prominent factors with the acceptance of online news portal by the public university students, identifying the linkage between the interpretation factors with the acceptance of online news portal by the public university students and to determine the influence of prominent factors and interpretation against acceptance online news portal credibility by public university students. This study is based on the Prominence-Interpretation theory generated by Fogg. This study uses two sampling methods which are simple sampling and purposive sampling.

This research uses a quantitative approach by survey method using questionnaire. A total of 400 youths were selected from 133,415 thousand students in four of the Public University in Selangor, which are Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Mara (UiTM), Shah Alam dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). The data collected were analysed using descriptive statistic and Pearson Correlation test using SPSS version 21.0 software.

The result of the findings shows that the respondents prefer to read news of crime, entertainment and politics that are "hard news" and "soft news". Meanwhile, the Pearson Correlation test shows that there is a positive relationship between the prominent factors which are involvement, topic, task, experience and design to the acceptance of online news portal by public university students and there are moderate relationship between the interpretation factors which are assumptions, skill or knowledge and context on the acceptance of online news portal by public university students. Besides, multiple regression tests indicate that there is also a significant relationship between predictor variables (independent variables) prominent factors and interpretation towards dependent variables (acceptance of online news credibility). The analysis that carried out shows that the dimension of task are the highest contributors and are followed by context dimensions, involvement, and knowledge or skills in influencing public university students to accept the credibility of online news portal. Thus, the organization of the online news portal should examine into these two factors in order to influence the readers, especially the public university students to read their online news portal. Besides, future researchers can still carry out this study by looking at the other variables that are suitable to be associated with the reader's credibility assessment on online news portal besides selecting respondents other than the Public Universities students in Selangor as the subject's study.

## PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pengasih Lagi Maha Penyayang

Segala puji dan syukur kepada Ilahi, Yang Maha Pengampun lagi Maha Mengasihani, selawat dan salam ke atas junjungan Rasul, Muhammad SAW.

Alhamdulillah, syukur kepada Ilahi atas limpah dan kurnianya saya dapat menyiapkan tesis ini pada masa yang telah ditetapkan.

Dengan penuh ikhlas, saya mengambil kesempatan untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan, Dr. Akmar Hayati Ahmad Ghazali dan juga Ahli Jawatankuasa Penyeliaan, Dr. Sharil Nizam Asa'ri dari Jabatan Komunikasi, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi (FBMK), UPM yang banyak memberikan tunjuk ajar pandangan, seranan dan teguran, pandangan dan kesediaan meluangkan masa, dan tenaga sepanjang menyiapkan kajian ini. Tidak dilupakan juga ucapan terima kasih buat para pensyarah FBMK terutamanya, Prof. Dr. Abdul Muat'i @ Zamri Ahmad, Prof. Dr. Md. Salleh Hj. Hassan, Prof. Madya. Dr. Jusang Bolong, dan Dr. Hamisah Hasan yang turut membantu dan memberikan nasihat kepada saya sepanjang penyelidikan ini. Semoga segala jasa baik yang disumbangkan oleh mereka mendapat ganjaran, petunjuk dan hidayah daripada Allah SWT.

Setinggi penghargaan juga buat keluarga yang tercinta, terutamanya suami saya, Mohamad Azri Ahmad, anak saya Muhammad Altamis Mohamad Azri, kedua ibu bapa saya, Nurdin bin Said dan Nurhayati Muhamad, kedua-dua ibu bapa mertua saya, Ahmad Abd. Rashid bin dan Aminah binti Ashari serta adik-beradik saya Dr. Armania Nurdin, Arif Nurdin, Ariffin Nurdin, Derita Nurdin, Muhamad Ramadan Nurdin dan Ahmad Mubarak Nurdin yang telah banyak memberikan sokongan dari segi kewangan mahupun moral dan tidak putus-putus mendoakan kejayaan saya. Semoga Allah memberkati hidup kita semua di dunia dan akhirat.

Akhir sekali tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama berhempas pulas iaitu Syafila Kamarudin, Kalaivaini A/P Munusamy, Arvin Lawrence, Yukananthini A/P Murugesan, Elizabeth Wong dan Chan Tak Jie dalam menyempurnakan kajian masing-masing. Bantuan kalian dari segi memberikan maklumat tidak akan saya lupakan. Segala yang buruk daripada kelemahan diri saya sendiri dan segala yang baik itu adalah datang dari Allah Yang Maha Pemurah, Lagi Maha Penyayang.

Sekian, terima kasih.

Nama : Rahmawati Nurdin  
No. Matrik : GS42301  
Alamat : No. 21, Tingkat 4, Blok A, Taman Topaz, 43800, Dengkil, Selangor.  
No. Hp : 013-8985725  
Email : [Rahmawati.nurdean@gmail.com](mailto:Rahmawati.nurdean@gmail.com)



Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada (5 Oktober 2017) untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Rahmawati binti Nurdin bagi menilai tesis beliau yang bertajuk “Perkaitan Faktor Menonjol dan Interpretasi dengan Penerimaan Kredibiliti Portal Berita Dalam Talian oleh Pelajar Universiti Awam”. Jawatankuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains Kewartawanan.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Zulhamri Abdullah, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Siti Zobidah Omar, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

Mus Chairil Samani, PhD  
Profesor Madya  
Fakulti Sains Sosial  
Universiti Malaysia Sarawak  
(Pemeriksa Luar)

---

**NOR AINI AB. SHUKOR, PhD**  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Akmar Hayati Ahmad Ghazali, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Sharil Nizam Sha'ri, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**ROBIAH BINTI YUNUS, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Tarikh: \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik: Rahmawati Nurdin (GS42301)

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan**

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Pengerusi:

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Akmar Hayati Ahmad Ghazali

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama

Ahli

Jawatankuasa

Penyeliaan : Dr. Sharil Nizam Sha'ri

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>KELULUSAN</b>	vii
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Penyataan Masalah Kajian	2
1.3 Persoalan Kajian	3
1.4 Objektif Kajian	4
1.5 Skop dan Limitasi Kajian	4
1.6 Kepentingan Hasil Kajian	4
1.6.1 Organisasi Berita Dalam Talian	4
1.6.2 Masyarakat	5
1.6.3 Metod	5
1.6.4 Teori	5
1.7 Definisi Pembolehubah	6
1.7.1 Kredibiliti	6
1.7.2 Menonjol	6
1.7.3 Interpretasi	6
1.7.4 Portal Berita dalam Talian	6
1.7.5 Penerimaan	6
1.7.6 Wartawan Warga	7
1.8 Rumusan Bab	7
<b>2 SOROTAN LITERATUR</b>	
2.1 Perkembangan Portal Berita dalam Talian	8
2.2 Portal Berita Dalam Talian	8
2.2.1 Definisi Portal	9
2.2.2 Definisi Portal Berita dalam Talian	9
2.2.3 Kandungan Portal Berita Dalam Talian	9
2.2.4 Wartawan Warga	10
2.3 Belia (Pelajar universiti Awam)	10
2.4 Kajian-kajian Lepas	11
2.4.1 Kredibiliti Portal Berita dalam Talian	11
2.4.2 Kategori Berita	12
2.5 Faktor menonjol dan interpretasi dengan penerimaan portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam	12
2.5.1 Faktor Menonjol	12
2.5.1.1 Penglibatan	13
2.5.1.2 Topik	13

2.5.1.3	Tugasan	13
2.5.1.4	Pengalaman	13
2.5.1.5	Reka Bentuk	14
2.5.2	Faktor Interpretasi	14
2.5.2.1	Andaian	14
2.5.2.2	Pengetahuan	14
2.5.2.3	Konteks	15
2.6	Penerimaan Belia Terhadap Portal Berita dalam Talian	15
2.7	Teori-teori berkaitan	16
2.7.1	Teori Prominen-Interpretasi	16
2.7.1.1	Menonjol	16
2.7.1.2	Interpretasi	17
2.7.2	Teori Penerimaan Teknologi	18
2.8	Kerangka Konseptual	19
2.9	Hipotesis	20
2.10	Rumusan	21
<b>3</b>	<b>METODOLOGI</b>	
3.1	Reka Bentuk Kajian	22
3.2	Lokasi dan Subjek Kajian	22
3.3	Populasi dan Prosedur Persampelan	22
3.4	Instrumen Kajian	24
3.5	Operasional Pemboleh Ubah Kajian	26
3.6	Prauji Kajian	29
3.7	Kesahan dan Kesahihan Instrumen	30
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	31
3.9	Analisis Data	32
3.8	Rumusan	32
<b>4</b>	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	
4.1	Demografi Responden	33
4.2	Pola Pembacaan Portal Berita Dalam Talian	34
4.2.1	Pilihan Masa	34
4.2.2	Pilihan Bahasa	34
4.2.3	Kategori Berita	34
4.2.4	Pilihan Portal Berita Dalam Talian	35
4.2.5	Jenis berita pilihan Pelajar Universiti Awam	36
4.3	Hubungan antara Faktor Menonjol dengan Penerimaan Portal Berita dalam Talian oleh Pelajar Universiti Awam	37
4.3.1	Faktor Menonjol dalam Portal Berita dalam Talian	37
4.4	Perkaitan antara Faktor interpretasi terhadap Penerimaan Portal Berita Dalam Talian oleh Pelajar Universiti Awam	41
4.4.1	Faktor Interpretasi dalam Portal Berita dalam Talian	41
4.5	Tahap penerimaan belia terhadap portal berita dalam talian	44
4.6	Pengaruh faktor menonjol dan interpretasi terhadap penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam.	46
4.7	Rumusan	49

<b>5 RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	
5.1 Ringkasan Kajian	50
5.2 Rumusan Hasil Kajian	51
5.2.1 Profil Responden	51
5.2.2 Pilihan Jenis Berita	52
5.2.3 Hubungan antara faktor Menonjol dengan Penerimaan Portal Berita dalam Talian oleh Pelajar Universiti Awam	52
5.2.4 Hubungan antara faktor Interpretasi dengan Penerimaan Portal Berita dalam Talian oleh Pelajar Universiti Awam Pengaruh faktor Menonjol dan Interpretasi terhadap Penerimaan Kredibiliti Portal Berita dalam Talian oleh Pelajar Universiti Awam	52
5.2.5 Pengaruh faktor menonjol dan interpretasi terhadap penerimaan kredibiliti portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam	53
5.3 Kesimpulan Hasil Kajian	53
5.4 Implikasi	53
5.4.1 Implikasi Teoritikal	53
5.4.2 Implikasi Metodologi	54
5.4.3 Implikasi Organisasi	54
5.4.4 Implikasi Masyarakat	54
5.5 Cadangan Kajian akan Datang	55
5.6 Rumusan	55
<b>RUJUKAN</b>	56
<b>LAMPIRAN</b>	64
<b>BIODATA PELAJAR</b>	70
<b>SENARAI PENERBITAN</b>	71

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>		<b>Halaman</b>
3.1	Senarai dan jumlah pelajar mengikut Universiti Awam di Selangor	23
3.2	Penentuan saiz sampel mengikut universiti awam (n=400)	23
3.3	Instrumen dan Skala Pengukuran	25
3.4	Skor Pengukuran Faktor Menonjol	27
3.5	Skor Pengukuran Faktor Interpretasi	28
3.6	Skor Pengukuran Faktor Penerimaan	28
3.7	Nilai Cronbach Alpha ( $\alpha$ )	29
3.8	Senarai dan jumlah responden prauji mengikut Universiti Awam di Selangor (n=30)	30
3.9	Nilai Pekali Alpha bagi Instrumen Kajian Prauji dan Kajian Sebenar	30
3.10	Fasa Pengumpulan Data Responden Sebenar	31
3.11	Nilai (r) Pearson Correlation Coefficient	32
4.1	Taburan Responden mengikut ciri-ciri Demografi (n=400)	33
4.2	Maklumat Umum pembacaan Portal Berita dalam Talian (n=400)	35
4.3	Pilihan portal berita mengikut kaum (n=400)	35
4.4	Jenis berita pilihan mengikut kaum (n=400)	36
4.5	Skor min faktor menonjol mengikut dimensi (n=400)	37
4.6	Ringkasan Skor min faktor menonjol mengikut dimensi (n=400)	38
4.7	Hubungan antara faktor menonjol dengan penerimaan belia (n=400)	41
4.8	Skor min faktor Interpretasi (n=400)	42
4.9	Ringkasan Skor min faktor Interpretasi mengikut dimensi (n=400)	43
4.10	Perkaitan antara faktor Interpretasi dengan penerimaan belia (n=400)	44
4.11	Skor min penerimaan (n=400)	45
4.12	Ringkasan Skor Min Penerimaan (n=400)	46
4.13	Analisis Pemboleh Ubah Varian	46
4.14	Regrasi Pekali Pemboleh Ubah Bebas: Analisis Regresi Pelbagai, Kaedah Stepwise	47
4.15	Ringkasan Keputusan Hipotesis Kajian	48

## **SENARAI SINGKATAN**

ABC	<i>Audit Bureau of Circulations Malaysia</i>
JARING	<i>Joint Advanced Research Integrated Networking</i>
MIMOS	<i>Malaysian Institute of Microelectronic Systems</i>
NITA	<i>National Institute for Trial Advocacy</i>
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
UA	Universiti Awam
UIAM	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
UITM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu
UPM	Universiti Putra Malaysia

## BAB 1

### PENDAHULUAN

Bab ini akan membincangkan latar belakang kajian, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, skop dan limitasi, kepentingan hasil kajian dan definisi pembolehubah yang menjadi fokus dalam kajian ini.

#### 1.1 Pengenalan

Kemajuan yang pesat dalam dunia teknologi komunikasi pada hari ini telah memberikan kesan kepada perubahan gaya hidup masyarakat di dalam negara maupun di luar negara. Masyarakat hari ini lebih banyak bergantung kepada penggunaan peranti pintar seperti telefon pintar, komputer riba dan tablet untuk mencari dan mendapatkan maklumat di mana-mana sahaja asalkan peranti pintar mereka mempunyai akses kepada internet. Chamil Wariya (2012) turut menyatakan bahawa sifat internet yang mudah diakses pada setiap masa dan di mana-mana sahaja menjadikannya pilihan masyarakat.

Peralihan gaya hidup masyarakat ini seiring dengan kewujudan banyak portal berita dalam talian di Malaysia maupun di seluruh dunia. Pembaca mula beralih arah daripada membaca akhbar bercetak seperti sebelum ini kepada portal berita dalam talian (Shahrul & Normah, 2016). Peralihan ini disebabkan portal berita dalam talian mempunyai ciri-ciri seperti ringkas, cepat, lebih menarik, mudah diakses, menjimatkan kos dan mempunyai pautan kepada media sosial (Lee, Aisyah, Liana & Siti Suriani, 2016). Akmar Hayati dan Siti Zobidah (2015), juga menyatakan bahawa antara faktor yang mendorong pembaca membaca secara dalam talian adalah kerana senang untuk mendapatkan maklumat yang dikehendaki. Kemudahan tersebut adalah berpunca daripada wartawan portal berita dalam talian yang pantas memuat naik berita dan maklumat serta isu-isu semasa pada berita dalam talian mereka tanpa sebarang sekatan. Berbeza dengan akhbar yang perlu melalui proses editorial dan *gatekeeping* yang ketat sebelum disiarkan (Flanagan & Metzger, 2000; Chung, Nam & Stefanone, 2012). Proses editorial dan *gatekeeping* ini merupakan proses dalam penerbitan yang mana segala berita yang diperolehi akan melalui beberapa proses penapisan sebelum diterbitkan (Pantic, 2014). Maka timbulah beberapa persoalan daripada masyarakat tentang sejauhmana kredibiliti berita dalam talian ini. Perkara ini disebabkan sebelum sesuatu berita diterbitkan dalam media konvensional penyuntingan perlu dilakukan ke atas berita tersebut.

Penilaian ke atas kredibiliti adalah penting dalam memastikan kesahihan maklumat yang diperolehi oleh masyarakat. Menurut Fogg (2003) faktor menonjol dan interpretasi adalah faktor penting dalam mengukur kredibiliti portal berita dalam talian. Faktor menonjol merupakan sesuatu elemen yang disedari atau menarik perhatian pada berita dalam talian yang dikunjungi oleh pembaca. Terdapat sekurang-kurangnya lima

elemen dalam faktor menonjol iaitu penglibatan, topik, pengalaman, tugas dan perbezaan individu. Manakala dalam faktor interpretasi pula merangkumi tiga elemen iaitu andaian pembaca, kemahiran dan pengetahuan pembaca serta konteks. Menurut Lee (2004) penilaian pembaca dalam talian dipengaruhi oleh faktor menonjol yang terdapat dalam laman web tersebut. Ini bermaksud apa yang dilihat dan dilalui oleh pembaca mempengaruhi penilaian mereka ke atas sesuatu laman web yang dikunjungi. Sebagai contohnya sekiranya golongan beli pelajar universiti awam ini melihat reka bentuk berita dalam talian yang dikunjungi menarik maka secara tidak langsung mereka akan menerima berita dalam talian tersebut dan menganggapnya sebagai berkredibiliti.

Fogg et al. (2002), telah menjalankan kajian berkaitan dengan kredibiliti laman web dan mendapati kebanyakan responden menyatakan faktor reka bentuk laman web adalah penting dalam menilai kredibiliti sesuatu laman web itu. Pembaca melihat kepada reka bentuk berita dalam talian itu, sekiranya ia kelihatan menarik dan profesional maka pembaca akan menganggapnya berkredibiliti dan sebaliknya jika reka bentuk tidak menarik pembaca akan menganggapnya tidak berkredibiliti.

Manakala, menurut Kang dan Herr (2006), kredibiliti sesuatu maklumat yang dibaca dipengaruhi oleh pengetahuan yang dimiliki oleh pembaca. Pengetahuan yang dimiliki boleh mengurangkan kesalahan dari aspek penafsiran dan ketidaksahihan sesuatu maklumat. Penyataan ini disokong oleh dapatan daripada kajian yang dijalankan oleh Rieh dan Hilligoss (2008) yang menunjukkan kebanyakan responden yang dikaji menyatakan bahawa pengetahuan semasa tentang sesuatu perkara adalah penting dan diambil kira oleh seseorang semasa melakukan penilaian terhadap sesuatu perkara. Faktor-faktor ini tergolong dalam faktor menonjol dan interpretasi yang mempengaruhi penilaian pembaca ke atas kredibiliti berita dalam talian.

## 1.2 Penyataan Masalah

Berita yang dipaparkan menerusi dalam talian di tulis oleh wartawan warga yang kebanyakannya tidak melalui latihan kewartawanan yang formal (Rani Ann & Faridah, 2013) dan tidak melalui proses editorial dan *gatekeeping* yang ketat seperti yang dilalui oleh media konvensional sebelum berita dikeluarkan untuk tatapan masyarakat (Flanagin dan Metzger, 2000). Proses editorial dan *gatekeeping* ini merupakan proses dalam penerbitan yang mana segala berita yang diperolehi akan melalui beberapa proses penapisan dan penyuntingan sebelum diterbitkan (Pantic, 2014). Menurut Samsuddin (2010), kebanyakan maklumat yang disebarluaskan di internet adalah maklumat yang belum diolah, berbeza dengan maklumat yang disebarluaskan menerusi media konvensional yang mana maklumat tersebut telah diolah oleh penulis berdasarkan pengalaman, pengetahuan serta ideologi mereka sendiri. Penyataan ini turut disokong oleh Wilson, Leong, Nge dan Hong (2011) kebebasan yang dimiliki oleh internet dalam menyampaikan sesuatu berita boleh menyebabkan khabar angin mungkin berakhir sebagai berita dalam talian. Penyebaran maklumat yang tidak sah akan mengundang pelbagai permasalahan kepada pembaca kerana mendapat maklumat yang tidak sah dan memberi kesan kepada kredibiliti dan kebolehpercayaan portal berita

dalam talian serta boleh mengganggu gugat keamanan dan keharmonian negara. Barubaru ini Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) memberi amaran keras kepada pemilik portal berita dalam talian agar berwaspada dengan berita yang dikeluarkan oleh syarikat mereka kerana sekiranya mereka mengeluarkan berita palsu yang boleh menggugat kedamaian dan kemakmuran negara terutama dari segi ekonomi dan keselamatan (Utusan Malaysia, 2015).

Maklumat dan berita boleh didapati dengan mudah menerusi internet ekoran kemunculan banyak portal berita dalam talian. Masyarakat tidak lagi bergantung kepada media konvensional untuk mendapatkan maklumat dan mula beralih arah kepada pembacaan portal berita dalam talian. Laporan yang dikeluarkan oleh ComScore Media Metix (2015) menunjukkan portal berita Malaysiakini mempunyai pelawat tertinggi pada bulan Mac 2015 iaitu sebanyak 1.2 juta pelawat diikuti oleh akhbar dalam talian The Star iaitu sebanyak 1.1 juta dan portal berita dalam talian Malaysia Insider hampir 1 juta pelawat bagi tempoh yang sama. Peralihan pembaca kepada portal berita dalam talian disebabkan kelebihan yang dimiliki oleh media internet itu sendiri. Menurut Riffe, Lacy dan Varauhakis (2008), Internet mempunyai empat kelebihan berbanding media konvensional iaitu internet menyampaikan maklumat lebih pantas. Seterusnya, internet bersifat interaktif yang membolehkan maklum balas dilakukan berbanding media konvensional. Selain itu, melalui internet penyebaran kandungan multimedia boleh dilakukan. Di samping itu internet membolehkan maklumat yang banyak disebarluaskan secara mendalam dan lebih murah.

Oleh sebab itu, kredibiliti berita dalam talian mula dipersoalkan. Sekiranya maklumat yang dipaparkan menerusi media dalam talian ini tidak sahih maka secara tidak langsung boleh menyebabkan pembaca terdedah kepada pelbagai unsur negatif seperti fitnah-memfitnah, penipuan dan lain-lain yang boleh membangkitkan *thanatos* atau *death instinct* individu (Mohd Fuad, Junaidi, Rosmadi, Amer Saifude & Novel, 2012).

Justeru, kajian ke atas penerimaan kredibiliti portal berita dalam talian semakin banyak dijalankan oleh penyelidik di dalam maupun di luar negara. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh De Waal, Schönbach dan Lauf (2005), responden kajian lebih menerima akhbar kerana menganggap akhbar bercetak lebih “serius” memaparkan maklumat dan menyalurkan maklumat lebih lengkap. Begitu juga kajian yang dilakukan oleh Poler, Erjavec, dan Štular, (2010) majoriti wartawan masih percaya bahawa media tradisional adalah yang paling boleh dipercayai kerana berkredibiliti. Tidak kurang juga kajian yang mendapati bahawa masyarakat menerima kredibiliti portal berita dalam talian seperti Nazato (2002) yang menyatakan berita dalam talian adalah lebih berkredibiliti kerana diolah dengan mendalam serta mementingkan ketepatan masa. Berita dalam talian mempunyai kredibiliti kerana terkini, tidak bias dan bersifat semasa (Normah, Faridah, Mus Chairil & Mohd Helmi, 2010). Azmah dan Samsudin (2013) turut menyokong penerbitan dalam talian lebih adil dan mempunyai fakta mendalam serta berita yang diterbitkan itu menunjukkan penyatuhan dengan tidak mementingkan sesebuah golongan sahaja.

Meskipun terdapat sebilangan masyarakat yang masih meragui dan tidak menerima portal berita dalam talian sebagai berkredibiliti, namun statistik yang dikeluarkan oleh ComScore Media Metix (2015) menunjukkan semakin banyak pembaca melayari portal berita dalam talian. Oleh itu, dalam menilai penerimaan kredibiliti pembaca terhadap laman web, Fogg (2003) mencadangkan agar penilaian sesuatu laman web mengambil kira dua faktor yang terdapat pada laman web tersebut iaitu faktor menonjol (*prominence*) dan interpretasi (*interpretation*). Dalam teori menonjol dan interpretasi ini mengandaikan bahawa pembaca yang membaca berita dalam talian akan melihat kepada faktor menonjol iaitu faktor yang menarik perhatian dan menyerlah dalam laman web tersebut termasuklah penglibatan, topik, pengalaman, tugas dan reka bentuk laman web. Kemudian pembaca akan menginterpretasikan maklumat yang dibaca berdasarkan tiga faktor iaitu andaian, pengetahuan dan konteks untuk menilai kredibiliti sesuatu portal berita itu.

Berdasarkan Fogg (2003) penglibatan merangkumi motivasi seseorang untuk mendapatkan sesuatu yang diingini. Manakala tugas merupakan tujuan pembaca melayari portal sama ada untuk mencari maklumat atau mencari hiburan. Selain itu, pengalaman pula berkaitan dengan kekerapan seseorang melayari portal tersebut. Disamping itu, topik pula merangkumi isu-isu semasa, hiburan, sukan dan sebagainya yang sesuai dengan kehendak pembaca. Manakala reka bentuk merangkumi reka letak, warna dan sebagainya. Andaian pula dipengaruhi oleh pengalaman, budaya dan sebagainya. Seterusnya, kemahiran atau pengetahuan pula seperti tahap kompetensi sesuatu subjek dan sebagainya. Manakala konteks merangkumi jangkaan pembaca, gaya penulisan persekitaran dan sebagainya.

George, Mirsadikov dan Mennecke (2016) menyatakan bahawa penampilan dan ciri-ciri yang ditunjukkan pada laman web boleh mempengaruhi sikap dan penerimaan seseorang terhadap laman web yang dikunjungi. Fogg (2003) menyatakan bahawa dimensi yang paling dominan dalam mempengaruhi faktor penerimaan kredibiliti laman web ialah penglibatan pembaca.

Akhirnya, timbul persoalan mengapa portal berita dalam talian menjadi pilihan pembaca sedangkan wujud keraguan tentang kredibiliti berita dalam talian ini ? Adakah kerana pembaca mementingkan aspek kemudahan semata-mata ? Oleh itu kajian ini dijalankan untuk mengetahui perkaitan antara faktor menonjol dan interpretasi dengan penerimaan pelajar universiti awam terhadap portal akhbar dalam talian (online news).

### 1.3 Persoalan Kajian

- i) Apakah jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan pelajar universiti awam?
- ii) Apakah hubungan antara faktor menonjol dengan penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam?

- iii) Adakah terdapat perkaitan antara faktor interpretasi dengan penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam?
- iv) Adakah terdapat pengaruh faktor menonjol dan interpretasi terhadap penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam.

## **1.4 Objektif Kajian**

### **1.4.1 Objektif Umum Kajian**

Objektif umum kajian ini adalah untuk mengenal pasti perkaitan antara faktor menonjol dan interpretasi dengan penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam.

### **1.4.2 Objektif Khusus Kajian**

Objektif khusus kajian ini pula adalah untuk :

- i) Mengetahui jenis-jenis berita dalam talian yang menjadi pilihan pelajar universiti awam.
- ii) Mengenal pasti hubungan antara faktor menonjol dengan penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam.
- iii) Mengenal pasti perkaitan antara faktor interpretasi dengan penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam.
- iv) Menentukan pengaruh faktor menonjol dan interpretasi terhadap penerimaan kredibiliti berita dalam talian oleh pelajar universiti awam.

## **1.5 Skop dan Limitasi Kajian**

Skop kajian difokuskan kepada faktor menonjol dan faktor interpretasi terhadap berita dalam talian. Kedua-dua faktor tersebut merupakan faktor yang mempengaruhi penerimaan kredibiliti portal berita dalam talian oleh pelajar universiti awam. Manakala dari segi metodologi pengkaji telah menggunakan kaedah kuantitatif bagi memperoleh data.

Skop kajian pula dibataskan kepada belia yang merupakan pelajar universiti awam di Selangor iaitu Universiti Putra Malaysia, Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Teknologi Mara (Shah Alam) dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia. Perkara ini disebabkan pelajar universiti merupakan golongan terbanyak yang menggunakan internet sama ada untuk mencari maklumat, isu-isu semasa, bersosial, mencari hiburan dan sebagainya (Shukriah, 2004). Disamping itu, pemilihan responden daripada

universiti-universiti tersebut adalah kerana pelajar universiti adalah gologan yang sangat penting kepada pembangunan dan kejayaan sesebuah negara kerana merupakan pewaris kepada kepimpinan negara pada masa akan datang (Junaidi, Mohd Fuad, Novel & Mazlan, 2013). Kajian ini dihadkan di sekitar negeri Selangor kerana rakyat negeri Selangor dicatatkan sebagai yang paling tinggi melanggan internet berbanding rakyat negeri-negeri lain iaitu sebanyak 1168.71 langganan daripada 4587.97 langganan pada suku pertama 2014.

## **1.6 Kepentingan Hasil Kajian**

Berdasarkan kepada tujuan kajian yang dijalankan oleh penyelidik, adalah diharapkan akan memberikan manfaat kepada beberapa pihak. Kajian ini menggariskan beberapa kepentingan kepada:

### **1.6.1 Organisasi Berita dalam Talian**

